



Model Remaja Orang Asli yang Unggul dalam *Bahlut*

¹Fauzi bin Hasan, ²Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali & ³Madiawati binti Mamat@Mustaffa

^{1,2,3}. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Article Info

Received:

15 Feb 2019

Accepted:

25 March 2019

Publish

15 April 2019

E-mail adress:

*corresponding Author :
*fauzihasan71@gmail.com

Abstrak

Dalam perkembangan sastera tanah air, antara pengarang novel yang dilihat prolifik menghasilkan novel yang berkualiti dan berbeza dengan pengarang-pengarang lain ialah Faisal Tehrani. Sehingga kini telah menghasilkan 24 buah novel. Novel *Bahlut* (2010) merupakan sebuah novel remaja yang berbeza dengan novel-novel remaja sebelumnya. Novel *Bahlut*, mengupas isu remaja orang asli dan masyarakat orang asli amnya. Penghasilan novel ini berdasarkan pengalaman peribadi, pembacaan dan pengkajian terhadap masyarakat orang asli di dalam negara. Realitinya, golongan remaja orang asli masih ketinggalan dalam pelbagai aspek seperti dalam pendidikan, pekerjaan dan menikmati pelbagai kemudahan seperti yang dinikmati oleh remaja-remaja bangsa-bangsa lain dalam negara. Keadaan berlaku disebabkan oleh pelbagai sebab, iaitu kegagalan dalam pendidikan (Norehan Muhammad, 2009). Selain itu berpunca daripada amalan budaya, adat, mempunyai masalah dalam kemahiran berbahasa dan berkomunikasi dengan baik. Bagi kajian ini, remaja yang unggul akan dianalisis berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Metodologi kajian ini adalah secara kualitatif yang melibatkan pembacaan rapi buku novel dan sumber-sumber bertulis sebagai sokongan. Kajian ini mendapati, Faisal Tehrani berupaya menyampaikan mesej dengan jelas mengenai anak-anak orang asli akan berjaya dalam hidup mereka, sekiranya diberi peluang, dibantu, dibimbing dan diberi kesedaran kepada ibu bapa mereka supaya berubah.

Kata Kunci: Orang asli, falsafah Pendidikan Kebangsaan, kemahiran, berkomunikasi dan remaja.

1. Pengenalan

Keusasteraan Melayu atau bangsa mana-mana yang dihasilkan oleh pengarang mempunyai tujuan dan menjadi imej masyarakat, kerana memaparkan kepelbagaian kehidupan masyarakat yang melahirkannya. Sastera adalah satu catatan perjalanan sejarah bangsa dan merupakan refleksi kegelisahan budaya, sekali gus juga merupakan manifestasi pemikiran bangsa yang berkaitan (Shamsudin Othman, 2011). Menurut Taine (A. Rahim Abdullah, 1996), teks kesusasteraan mestilah dianggap sebagai pernyataan tentang psikologi seseorang individu dan

seterusnya merupakan sebagai pernyataan tentang suasana, persekitaran dan tempoh yang di dalamnya individu itu hidup, serta jenis bangsa yang dianggotainya. Oleh sebab individu adalah ahli masyarakat, maka idea yang terkandung dalam karyanya dari satu segi merupakan pantulan daripada masyarakatnya (A. Wahab Ali, 2009). Karya sastera sama ada prosa atau puisi menyampaikan unsur cerita yang kompleks dan mengajak khalayak untuk menganalisis serta mentafsirkan maknanya yang berpaut erat dengan pengalaman manusia. Shahnnon Ahmad (1991) menegaskan karya sastera bukan sahaja mencatat tetapi menganalisis segala gerak gempap kehidupan; gerak gempap dalam erti kata segala rintangan, segala halangan dalam kehidupan. Keusasteraan amat intim dengan masyarakat kerana merakamkan berbagai-bagai detik pengalaman dan denyut kehidupan mikro kosmos yang wujud dalam masyarakatnya (Sahlan Mohd. Saman, 2005) dan berfungsi sebagai satu institusi kemasyarakatan orang Melayu (Mohd. Taib Osman, 2011).

Dalam perkembangan kesusasteraan di Malaysia, nama Faisal Tehrani bukan asing lagi kerana beliau antara pengarang yang prolifik berkarya. Sehingga kini sudah menghasilkan 24 buah novel sejak melibatkan diri dalam penulisan pada tahun 2000. Novel-novel yang dihasilkan merangkumi novel remaja, dewasa dan kini cenderung kepada novel-novel serius. Bagi novel remaja, Faisal Tehrani mengatakan bahawa telah meletakkan pelan tindakan untuk remaja. Menurutnyanya lagi dengan membaca novel remajanya akan memberi kesedaran kepada golongan remaja untuk memainkan peranan serta tanggungjawab mereka pada masa hadapan, khususnya untuk masa depan bangsa dan agama (Rozninah Abd. Azib, 2004). Novel-novel novel remaja yang dihasilkan ialah *1511H[Kombat]*, *Manikam Kalbu*, *Advencer si Peniup Ney* dan *Bahlut*. Novel *Bahlut* yang diterbitkan pada tahun 2010, merupakan novel remaja yang membawa tema, pemikiran, subjek dan mesej yang agak berbeza dengan novel-novel remaja lainnya. Walaupun novel ini dikategorikan sebagai novel remaja tetapi membawa pemikiran mengenai hak asasi manusia. Pemikiran hak asasi manusia yang dibangkitkan adalah mengenai masyarakat orang asli. Masyarakat orang asli atau dikenal juga masyarakat asal dalam negara yang dilihat masih ketinggalan dalam pelbagai aspek berbanding dengan masyarakat lain, seperti masyarakat Melayu, Cina dan India. Sebagai novel remaja, Faisal Tehrani menengahkan remaja orang asli sebagai fokus penceritaannya.

Penulisan ini mengambil gagasan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (2003) sebagai landasan untuk menganalisis *Bahlut* (2010). Novel ini dapat dikatakan sebuah novel remaja yang kuat dan menarik melalui gabungan tema, plot, watak dan perwatakan, gaya bahasa dan latar yang digunakan. Watak Bahlut sangat signifikan bagi memaparkan keunggulan remaja lelaki dari sukunya atau masyarakat orang asli amnya, kerana berjaya mengubah diri serta berjasa kepada masyarakatnya melalui pendidikan.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Penyelidikan kualitatif merupakan suatu penyelidikan yang menghasilkan dapatan bukan menggunakan kemudahan prosedur statistik atau kemudahan kuantitatif yang lain (Strauss & Corbin, 1998). Selain itu, Patton (1978) menjelaskan penyelidikan kualitatif sebagai '*verstehen*' atau pemahaman yang simpatetik dan mendalam. Pendekatan '*verstehen*' adalah berdasarkan aplikasi kecerdasan kritikal kepada fenomena tanpa bergantung sepenuhnya kepada abstraksi representasi numerikal. Penyelidikan kualitatif menghasilkan data deskriptif yang merangkumi tulisan sendiri seseorang atau



perkataan yang diucapkannya (Bogdan & Taylor, 1975). Setiap penyelidikan kualitatif bertujuan untuk mengkaji fenomena secara mendalam (Johnson, 1995). Justeru penyelidikan kualitatif ialah suatu kajian interpretif mengenai suatu isu atau masalah yang melibatkan pengkaji menumpukan makna yang dibuat oleh subjek kajian (Banister et al., 1994).

Penyelidikan kualitatif bertujuan untuk menjelas dan menerangkan fenomena tertentu yang dikaji (Marshall & Rossman, 1989). Dalam penyelidikan kualitatif, biasanya banyak soalan dan permasalahan muncul daripada pemerhatian yang dilakukan, dilema dan soalan daripada dunia sebenar dan berbentuk inkuiri yang meluas (Marshall & Rosmann, 1989). Kebanyakan kajian kualitatif percaya bahawa cara terbaik untuk memahami sesuatu fenomena ialah dengan melihatnya mengikut konteks (Krauss, 2005). Kajian Kualitatif cuba menyingkap tabii pengalaman seseorang dengan fenomena sosial secara semula jadi (Strauss & Corbin, 1990). Dalam kajian ini, dilakukan secara kualitatif kerana melibatkan fenomena dalam teks yang melibatkan pengarang dan kisah-pemikiran dalam karya-karyanya.

3. Masyarakat Orang Asli di Malaysia

Orang asli merupakan satu istilah yang digunakan untuk sekumpulan masyarakat peribumi di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan perangkaan daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) pada tahun 2006, jumlah keseluruhan masyarakat ini seramai 141,230 orang (JHEAO, 2006). Masyarakat orang asli ini terdiri daripada tiga kaum utama, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Suku kaum Senoi merupakan kumpulan terbesar, dengan jumlah 78,884 orang (58.85 peratus), diikuti Melayu-Proto seramai 58,675 orang (41.55 peratus) dan Negrito dengan jumlah 3,671 orang (2.60 peratus). Penempatan mereka bertumpu di kawasan pedalaman atau masih terpencil dan berselerak. Oleh sebab itu, masyarakat orang asli menunjukkan sifat yang pelbagai dari aspek etnik, tempat tinggal dan sukar untuk membuat rumusan tepat mengenai kehidupan mereka. Namun begitu, satu generasilisasi telah dilakukan, iaitu cara hidup mereka mempunyai perkaitan langsung dengan persekitaran semula jadi kawasan pedalaman yang melibatkan alam persekitaran berupa gunung, bukit, hutan rimba, tasek dan sungai (Ramlee Abdullah, 2008).

Masyarakat orang asli di dalam negara tinggal secara berselerak dan bertaburan di pedalaman. Kehidupan mereka masih menebal dengan amalan tradisi seperti mengerjakan penanaman secara sara diri, mencari hasil-hasil hutan, mengamalkan budaya dan adat tradisi. Oleh itu, agak sukar untuk mengubah cara hidup mereka yang masih berpegang teguh dengan cara hidup lama. Namun begitu, pihak kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air bersih, elektrik dan sekolah yang lengkap. Begitu juga dengan usaha-usaha untuk membangunkan kehidupan mereka dan anak-anak orang asli tetap menjadi agenda utama negara. Sehubungan itu, kini kehidupan mereka lebih baik dan tidak lagi ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

Dalam konteks pendidikan pula, segala kemudahan dan bantuan yang diberikan kepada anak-anak orang asli tetapi, tidak pula seiring dengan sambutan serta pencapaian yang baik ditunjukkan oleh anak-anak orang asli. Ibu bapa dan masyarakat orang-orang asli masih tidak berminat dengan pendidikan. Mereka melihat sekolah sebagai suatu tempat untuk menghantar anak-anak mereka untuk bermain dan juga makan (Mohammad Johdi Salleh, 2009). Lantaran itu, pelbagai masalah berkaitan pendidikan masih berlaku seperti keciciran akademik, kehadiran

dan prestasi akademik mereka dalam peperiksaan di sekolah serta peperiksaan awam. Kesannya, anak-anak tidak dapat menyaingi murid-murid lain dalam bidang pendidikan sama ada pada peringkat rendah mahupun tinggi. Malahan anak-anak orang asli juga belum dapat menguasai subjek di sekolah dengan baik, seperti subjek bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan lain-lain lagi. Oleh sebab itu, kadar anak-anak orang asli yang berjaya melanjutkan pengajian di pusat-pusat pengajian tinggi, berjawatan tinggi dan berpengaruh masih rendah berbanding dengan anak-anak bangsa lain.

4. Sinopsis *Bahlut*

Makalah *Bahlut* mengangkat kehidupan masyarakat orang asli sebagai subjek penceritaan. Masyarakat orang asli digambarkan masih mengamalkan cara hidup tradisi seperti menjalankan penanaman secara sara diri, mencari hasil-hasil hutan, berpegang teguh dengan adat, budaya dan kepercayaan mereka. Kehidupan mereka mula terganggu dan terancam apabila berlakunya kegiatan pembalakan secara berleluasa di kawasan hutan berhampiran kawasan perkampungan mereka. Kesan daripada itu, mereka hilang sumber pendapatan dan kesejahteraan hidup terancam disebabkan berlakunya pencemaran air, udara dan keselamatan yang mula melanda kehidupan mereka.

Novel ini dimulakan dengan kisah *Bahlut* seorang remaja orang asli yang tinggal di kawasan pedalaman dalam keadaan serba kekurangan. *Bahlut* tinggal seorang diri kerana ibunya dipercayai meninggal dunia kerana dibunuh oleh harimau dan bapanya pula hilang tanpa dapat dikesan. Sebelum ibu *Bahlut* hilang, ibunya sangat mementingkan pendidikan dan berharap *Bahlut* dapat meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi. *Bahlut* merupakan seorang murid yang pintar dan berbakat dalam sukan olahraga. Perkara ini disedari oleh cikgu Zaiful dan berusaha untuk menyedarkan *Bahlut* supaya meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Melalui pujukan, nasihat dan dorongan daripada Cikgu Zaiful, *Bahlut* bersetuju untuk meneruskan pengajian ke Kuala Lumpur. *Bahlut* telah dijadikan anak angkat oleh Ustaz Zaidi. *Bahlut* meneruskan pengajian di sekolah sukan di Bukit Jalil. *Bahlut* bukan sahaja pelajar yang pintar dalam akademik tetapi berbakat dalam sukan olahraga. Bakat dan kebolehan *Bahlut* ini telah disedari oleh Alan Oii seorang jurulati di sekolahnya. Selepas itu, *Bahlut* dapat mewakili sekolah dan negeri dalam acara olahraga. Kejayaan demi kejayaan yang dicapai ini membolehkan *Bahlut* mewakili negara dalam sukan olahraga yang diadakan di negara Turki.

Selepas itu, *Bahlut* telah menggunakan kelebihan yang dicapainya untuk berbakti kepada masyarakatnya. *Bahlut* merasa sangat sedih, kecewa dan marah kerana masalah pembalakan di kawasan penempatan mereka belum dapat diatasi. *Bahlut* mengambil beberapa langkah untuk menamatkan masalah ini. Antaranya, menggugut akan memulangkan pingat emas yang diraih dalam sukan SEA, akan membuang pingat ke dalam Sungai Kelang, mengadakan sidang akhbar dan mahu bertemu dengan Perdana Menteri bagi menangani masalah ini. Dalam masa yang sama, diperlihatkan bahawa masalah yang berlaku ini berpunca daripada sikap segelintir masyarakat orang asli sendiri yang bersekongkol dengan syarikat-syarikat pembalakan demi kepentingan diri. Hal ini digambarkan melalui Batin Endau dan Tiat. Batin Endau dan Tiat menjadi tali barut kepada syarikat pembalakan dengan menangkap atau melakukan apa sahaja bagi memastikan tidak ada individu yang cuba membongkarkan kegiatan pembalakan yang dilakukan. Ibu *Bahlut*, iaitu Embun masih hidup dan dikurung untuk dijadikan pekerja kepada pekerja-pekerja syarikat pembalakan. Embun berjaya melarikan diri dari kurungan bersama-sama dengan Kartika dan berhijrah di Kuala Lumpur. Akhirnya secara tidak sengaja, *Bahlut* dapat

bertemu semula dengan ibunya dan Kabut. Selepas itu, Bahlut membawa ibunya tinggal bersama-sama walaupun sudah berbeza agama. Selepas berjaya bertemu ibunya, dan menyelesaikan masalah pembalakan, Bahlut berusaha pula untuk mencari bapanya yang hilang tetapi dipercayai masih hidup.

5. Falsafah Pendidikan Kebangsaan Teras Membentuk Remaja yang Cemerlang

Falsafah Pendidikan Negara dibentuk daripada Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran yang diterbitkan pada tahun 1979. Falsafah pendidikan yang bertulis tersebut dikenal sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan mula diperkenalkan pada tahun 1988. Pernyataan FPK adalah seperti berikut:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Berdasarkan kepada FPK, matlamat pendidikan negara sebagai usaha yang komprehensif dan berterusan untuk melahirkan individu yang bersahsiah baik, berketrampilan seterusnya seimbang dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani tanpa mengetepikan kepercayaan dan kepatuhan kepada perintah Tuhan. Juga individu insan tersebut perlu berilmu pengetahuan dan berfikiran kreatif dan rasional, berakhlak mulia, berkeupayaan memberi sumbangan ke arah memakmurkan masyarakat dan negara. Individu yang mempunyai tanggungjawab di dalam menjaga hubungan baik dan mesra antara sesama manusia bagi memupuk perpaduan rakyat di Malaysia (Mok Soon Sang, 2002). Pelbagai langkah yang boleh diambil bagi menyebarkan kefahaman tentang FPK kepada masyarakat dan pihak-pihak lain bagi mendapat kerjasama dalam merealisasikan FPK. Tugas untuk merealisasikan FPK tidak semata-mata terletak pada bahu bidang pendidikan sahaja, khususnya oleh guru. Pihak-pihak lain dalam masyarakat perlu bersama-sama berganding bahu dan mengambil langkah positif secara bersepadu dalam usaha ini.

6. Analisis FPK dalam Novel *Bahlut*

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menetapkan bahawa sastera ialah alat yang dapat mengangkat kehidupan manusia dalam pelbagai aspek, iaitu satu harapan yang sangat tinggi dalam konteks mengubah wilayah kehidupan akhlak manusia dan etika manusia. Oleh itu, sastera adalah produk budaya yang berfungsi mimetis (peniruan) hingga sastera dapat memberi penyedaran, sekali gus pemahaman (kepada pembaca) atas kebudayaan yang menjadi sumber kreatifnya itu (Shamsudin Othman, 2011). Secara ringkasnya, dalam novel *Bahlut*, terdapat kata 'Perenheg'- pecut', begitulah kita ditunjukkan kepada Bahlut dengan kisahnya menjadi atlet trek yang disanjung oleh dunia kota. Juga sebagai lambang pahlawan suku Semai yang berjuang untuk menyelamatkan kampung halaman. Pernyataan ini merupakan gagasan dan pemikiran Faisal Tehrani melalui



watak remaja orang asli bernama Bahlut. Novel ini memaparkan perjuangan Bahlut untuk menjadi seorang yang berjaya dan dapat berbakti kepada masyarakatnya. Secara tersirat novel ini mencitrakan keadaan masyarakat orang asli yang masih ketinggalan, menjadi mangsa penganiayaan dan penipuan oleh pihak-pihak tertentu. Oleh sebab masyarakat orang asli tidak memiliki pendidikan tinggi, hidup dalam kemiskinan dan berpegang teguh dengan nilai-nilai tradisional memudahkan pihak luar mengambil kesempatan terhadap kelemahan mereka. Sehubungan itu, Bahlut telah disedarkan untuk mengubah cara berfikir dan sebagainya supaya tidak mengalami nasib yang menimpa masyarakatnya. Sesungguhnya masyarakat orang asli memerlukan dalam kalangan mereka yang berilmu, berkerjaya dan mempunyai kedudukan yang tinggi bagi membela serta melindungi masyarakat daripada terus dianiayai, dieksploitasi dan diperdayakan oleh pihak-pihak tertentu. Namun begitu, untuk berjaya tidak semudah yang diharapkan. Bahlut menghadapi pelbagai halangan sebelum berjaya dalam akademik dan menjadi seorang ahli sukan yang berjaya. Oleh itu, Bahlut mewakili generasi baharu dalam masyarakat orang asli.

Faisal Tehrani dikenal sebagai pengarang yang banyak membaca, mengkaji dan bereksperimen, diteruskan dalam novel ini. Novel ini memperlihatkan maklumat yang jelas mengenai masyarakat orang asli. Sehubungan itu, novel ini boleh memberi pengetahuan dan maklumat mengenai masyarakat orang asli dari aspek kedudukan dalam undang-undang, adat, budaya, kepercayaan dan pekerjaan tradisional. Pemaparan ini memberi banyak maklumat dan manfaat kepada pembaca yang tidak mengetahui mengenai masyarakat orang asli di Malaysia.

6.1 Ketinggian Daya Intelek Bahlut

Menurut Piaget, perkembangan kognitif para remaja semakin meningkat dan mereka mula berfikir secara abstrak yang dikenal sebagai pemikiran operasi formal. Antara kemampuan berfikir pada peringkat ini adalah berupaya menyelesaikan masalah konkrit dan abstrak, mengkaji perasaan dan pemikiran sendiri, mengaplikasi prinsip-prinsip untuk menyelesaikan masalah dan membentuk hipotesis-hipotesis ketika menyelesaikan masalah (Suppiah Nachiappan et. al., 2009). Sementara itu, elemen intelek dalam FPK menetapkan bahawa perlunya seseorang murid (remaja) berusaha untuk mendapat, meningkat dan menyebarkan ilmu. Pada masa yang sama, elemen ini bertujuan untuk mendorong remaja agar berfikir secara kreatif dan kritis serta berusaha untuk mengembangkan daya pemikirannya dengan harapan mereka dapat menghuraikan, mencerakinkan, menaakulkan, merumuskan dan menghasilkan idea yang bernas. Melalui kemampuan itu dapat memberi kebaikan kepada orang lain dan persekitarannya sebagaimana yang terungkap dalam FPK (hlm. 331). Elemen ini terserlah dalam watak protagonis, iaitu Bahlut yang berusaha untuk berhijrah ke kota bagi mencapai cita-citanya.

Melalui novel ini, diperlihatkan watak remaja lelaki, Bahlut yang kehilangan ayah dan ibunya di kampung dan tinggal sendirian yang hanya dijaga oleh saudara mara serta Batin Endau secara tidak langsung. Penghijrahan Bahlut ke Kuala Lumpur dan tinggal bersama keluarga Ustaz Zaidi menggambarkan ketekunan dan keberanian seorang pelajar lelaki yang berasal dari pedalaman untuk tinggal di kota dan dalam keluarga yang tidak dikenalnya. Bahlut mengikuti pembelajaran di sekolah sukan di Bukit Jalil dan bukan hanya pandai dalam akademik tetapi memiliki bakat luar biasa dalam sukan olahraga. Dalam konteks ini, Faisal Tehrani ingin menyerlahkan ketekunan, keberanian dan kegigihan seorang pelajar lelaki orang asli yang miskin tetapi mempunyai prinsip atau pegangan hidup. Walaupun Bahlut serin diherdik dan dihina

oleh rakan sekolahnya, iaitu Razak tetapi tidak menggoyahkan semangatnya untuk berjaya dalam akademik dan acara olahraga.

Bahlut tidak pernah berputus asa dan berdendam dengan Razak yang menghina. Sebaliknya, Bahlut terus berusaha untuk membuktikan kehebatannya, dan akhirnya berjaya mewakili sekolah dalam acara olahraga. Kejayaan demi kejayaan yang diraih membuatkan Razak semakin membencinya. Ketabahan dan kegigihan Bahlut ini menunjukkan bahawa Bahlut seorang remaja intelek yang berpegang erat pada prinsip-prinsip dan cita-citanya untuk menjadi pelajar yang cemerlang bukan dalam akademik sahaja tetapi dalam acara sukan yang diminatinya. Sikap dan sifat intelek Bahlut dapat dilihat semasa menerangkan bagaimana penganiayaan dan penindasan yang berlaku dalam masyarakatnya tidak ditangani secara berkesan oleh pihak kerajaan atau pihak yang mempunyai kuasa. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

“Masyarakat orang asli di Malaysia sering menjadi mangsa kezaliman secara senyap. Kami tertinggal dari pembangunan dan kemajuan. Kami tercicir dari segi pendidikan. Kami juga sering dianggap tidak penting. Penganiayaan ini saya fikir didaya upayakan oleh mereka yang berkepentingan” (Bahlut, 2010, hlm. 361).

Merujuk petikan di atas menggambarkan Bahlut seorang remaja yang berilmu dan bijak berbicara bagi mendesak pihak-pihak bertanggungjawab supaya menangani masalah yang sedang berlaku dalam masyarakatnya. Dalam hal ini, Bahlut dicitrakan mempunyai kematangan dan kebolehan berhujah dengan bijaksana tentang masalah yang menimpa masyarakatnya. Bagi Bahlut, masalah yang berlaku ini akan mengalami kegagalan sekiranya tidak dilakukan dengan terperinci oleh pihak berkuasa.

6.2 Keteguhan Rohani Membantu Remaja Menghadapi Masalah

Bagi elemen rohani dalam FPK ialah perlunya (remaja) disedarkan dengan perihal ketuhanan dan rasa insaf tentang adanya Tuhan. Melalui kesedaran dan keinsafan dalam diri akan menjadikan seseorang remaja itu berusaha untuk bertindak dengan lebih rasional kerana dipandu oleh agama yang ada dalam dirinya. Melalui perasaan keinsafan dalam diri akan mewujudkan perasaan menghargai dan bersyukur dengan sesuatu yang dikurniakan oleh Tuhan. Sekiranya seseorang remaja mengetahui makna menghargai dan bersyukur, hal ini akan menjadikan remaja lebih bersikap lebih positif seperti penyayang, pemaaf, bertanggungjawab, amanah, hormat-menghormati dan sebagainya. Selain dari itu akan menjadikan dirinya sebagai seorang anak, pelajar, remaja atau warganegara yang dapat memberi sumbangan. Melalui amalan-amalan ini akan memupuk dan membina disiplin diri serta membentuk akhlak yang mula sebagaimana yang dihasratkan dalam FPK. Apabila remaja memiliki rohani yang mantap dalam diri, pasti dapat menghadapi cabaran dengan mudah. Malahan remaja itu menganggap segala masalah yang dihadapi sebagai dugaan untuk menjadi diri lebih cemerlang dan memantapkan diri pada masa hadapan.

Dalam aspek ini, Bahlut merupakan seorang anak yang dianggap yatim piatu kerana kehilangan ayah dan ibu, dan bergantung hidup dengan bantuan daripada saudara mara dan cikgu Zaiful. Bahlut menghadapi kesukaran untuk meneruskan hidup dan bersekolah kerana

kesempitan hidup. Bahlut mengambil keputusan untuk berhenti sekolah dan mahu meneruskan kehidupan tradisi seperti remaja-remaja lain di kampungnya yang menamatkan persekolahan lebih awal. Tidak ramai remaja yang melanjutkan pengajian ke peringkat sekolah menengah apatah lagi melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Bagi Bahlut, perkara paling sukar dihadapinya untuk meneruskan pengajian kerana menghadapi masalah kewangan dan adat serta budaya masyarakatnya yang tidak menggalakkan mereka meninggalkan kampung halaman. Malahan tindakan untuk belajar pasti mendapat sekatan daripada saudara maranya. Namun begitu, dengan nasihat dan bimbingan daripada cikgu Zaiful telah membuka minda dan hatinya untuk berubah. Bahlut mengambil keputusan yang nekad untuk belajar dan ke luar dari kampungnya.

Menurut Nur Fatih Fadila (2014), pengarang yang memahami fungsi sastera dalam pembentukan minda dan rohani khalayak pembacanya berjaya melakarkan watak sebagai protagonis remaja yang cecal. Hal ini dapat dibuktikan melalui watak Bahlut, yang cecal, tabah dan berani membuat keputusan sendiri untuk mengubah nasib diri dan mahu berbakti kepada bangsanya. Peranan yang ditunjukkan melalui watak cikgu Zaiful dan Ustaz Zaidi mengukuhkan lagi pertimbangan dan kerasionalan Bahlut untuk lebih bijak dalam menilai sesuatu yang menimpa dirinya dan menerima ketentuan Tuhan dengan hati yang terbuka. Keadaan ini dapat diperhatikan dalam petikan di bawah:

Zaiful memegang bahu Bahlut dan bertutur lembut, “*Hek* pasti itu yang *hek* ingin lakukan?”.

Bahlut angguk. “*Eng* mahu tinggal dengan abang *hek*”, pinta Bahlut bersungguh-sungguh. Cikgu Zaiful menyeluruhi muka Bahlut. Mata Bahlut yang mendung itu bercahaya serasa menyimpan keazaman yang bukan calang. (*Bahlut*, 2010, hlm. 93).

Dalam petikan di atas memperlihatkan kesediaan, kecekalan dan keberanian Bahlut membuat keputusan untuk diri dan masa depannya. Bahlut membuat keputusan yang nekad untuk meninggalkan kampung dan melanggar adat serta budaya masyarakatnya berhijrah atau meninggalkan kampung halaman. Bahlut sedar bahawa keputusan dan tindakannya ini akan memberi kesan negatif kepada dirinya sebagaimana yang diterima oleh bapa dan ibunya. Keinginan berhijrah ini dibuat atas dasar pertimbangan dan fikiran yang bersifat terbuka untuk berubah. Bahlut reda dan sanggup menghadapi kesukaran dan kehidupan baharu yang tidak dapat dibayangkan kerana akan berhijrah ke tempat yang asing baginya, iaitu di Kuala Lumpur.

6.3 Keseimbangan Emosi Membentuk Remaja yang Berjaya

Kemajuan dan kemakmuran negara pada masa hadapan disandarkan kepada generasi muda masa kini. Oleh itu, negara memerlukan dan mengharapkan generasi masa kini mempunyai daya tahan emosi yang mantap lagi kukuh. Remaja yang gagal mengawal emosi akan mudah terjebak dalam pelbagai fenomena sosial negatif di persekitaran mereka. Jika memiliki emosi yang tipis, pasti remaja gagal menguruskan diri dan mencapai matlamat diri dan aspirasi negara. Justeru, perlunya memastikan remaja memiliki keseimbangan emosi pada peringkat awal dan elemen rohani dalam FPK dijadikan landasan bagi mendidik remaja melakukan tingkah laku yang baik dan sentiasa terkawal. Selain itu, ciri emosi baik yang harus ada pada pelajar (remaja) adalah kemampuan memiliki dan memupuk perasaan kasih sayang yang akan mewujudkan semangat kekitaan dan perpaduan, khususnya di negara yang berbilang kaum seperti di Malaysia.



Keseimbangan emosi ini akan menerbitkan sifat ingin tahu menghargai dan menilai keindahan yang ada seperti yang dihasratkan dalam FPK (Nur Fatiha Fadila, 2014).

Pada peringkat remaja, emosi remaja sukar untuk ditelah. Remaja mengalami pelbagai konflik dalam diri sendiri. Sebagai contoh, mereka mahukan kebebasan tetapi pada masa yang sama, mereka masih bergantung kepada ibu bapa seperti keperluan kewangan, kasih sayang dan sebagainya (Suppiah Nachiappan et. al., 2009). Emosi seumpama ini dialami oleh Bahlut. Misalnya, Bahlut diperlihatkan memiliki emosi sebagai remaja biasa. Watak Bahlut tidak dilukiskan sebagai protagonis yang sangat sempurna atau ideal sebaliknya seperti remaja sebenar. Keadaan ini menunjukkan Faisal Tehrani ingin memaparkan sifat-sifat remaja yang sebenar atau sebagai insan biasa. Sehubungan itu, pembaca dapat melihat dan mengenal pasti ciri-ciri emosi Bahlut dari aspek zahir dan kejiwaan. Segala peristiwa suka dan duka Bahlut mencerminkan dunia remaja yang masih muda. Namun begitu, anjakan usia dan perubahan emosi akan berlaku sedikit demi sedikit disebabkan pelbagai faktor seperti persekitaran, rakan, guru, sekolah, keluarga dan kesedaran diri sendiri.

Meneliti kepada rentetan perjalanan hidup Bahlut, permainan emosi Bahlut dapat diperhatikan melalui konflik demi konflik yang dihadapi oleh Bahlut. Pelbagai punca yang mencetuskan konflik jiwa kepada Bahlut. Antaranya sebab utama adalah kehilangan tempat bergantung hidup, iaitu kehilangan ibu dan ayahnya. Keadaan ini menyebabkan Bahlut berada dalam kesedihan, kekecewaan dan berputus asa untuk meneruskan kehidupannya. Namun begitu, perasaan dan konflik ini dapat direda dan ditenangkan oleh cikgu Zaiful. Cikgu Zaiful dan cikgu Zalman memujuk Bahlut untuk meneruskan persekolahan bagi mengubah diri dan nasib masyarakatnya. Pada masa yang sama juga, Bahlut berasa kecewa dan kesedihan kerana perasaan cinta ditolak oleh Kabut. Kabut hanya menganggap sebagai adik sahaja. Perasaan kecewa itulah juga yang mendorong Bahlut untuk ke luar dari kampungnya. Walaupun begitu, Bahlut dapat mengawal perasaan sedih tersebut dan menjadikan dirinya lebih tabah dan bersifat reda dengan tidak bertindak mengikut perasaan. Konflik perasaan ini menjadikan diri Bahlut lebih tabah, cecak dan bijak membuat tindakan.

Konflik emosi Bahlut semakin tercabar dan tercalar semasa mengikuti pengajian di sekolah menengah di Bukit Jalil. Bahlut sering dihina dan dipandang rendah oleh Razak. Razak bukan hanya memandang rendah kerana dia berasal dari masyarakat orang asli, tetapi menganggap orang asli sebagai masyarakat yang lemah, dangkal dan mundur. Kesedihan Bahlut semakin mendalam apabila mendapat berita kemalangan yang menimpa cikgu Zaiful dan cikgu Zalman. Perasaan dan pemikiran Bahlut semakin tercabar dalam usaha untuk menangani masalah kegiatan pembalakan haram yang berlaku di kampungnya. Keadaan ini memaksa Bahlut mengambil tindakan yang berani dan tegas, iaitu mengambil keputusan untuk mengembalikan pingat emas yang dimenangi dalam acara sukan SEA, mengancam untuk membuang pingat ke dalam sungai Kelang dan mengadakan sidang akhbar bagi meminta perhatian pihak kerajaan. Sungguhpun dalam keadaan terdesak dan tertekan, Bahlut masih berupaya mengawal perasaan daripada melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang atau peraturan yang akan menjejaskan diri dan kedudukannya. Perasaan dan tindakan terkawal Bahlut dapat dianalisis dalam petikan di bawah:

“Kami tak boleh terima. Kerajaan perlu melakukan sesuatu supaya masyarakat orang asli tidak terus tertekan dengan kegiatan yang mengancam kehidupan di kampung asal saya”, katanya (*Bahlut*, 2010, hlm. 369).

Dalam mencapai cita-cita dan impiannya, Bahlut mengharungi pelbagai konflik emosi dan kekangan hidup secara fizikal serta mental. Namun begitu dengan bantuan daripada golongan dewasa seperti cikgu Zaiful, cikgu Zalman, Ustaz Zaidi dan Mak Su Suraya, Bahlut dapat menangani konflik emosinya. Keadaan ini dapat dibuktikan apabila Bahlut berjaya dalam pengajian, menjadi atlet sukan olahraga yang ternama dan menjadi individu yang berpengaruh bagi masyarakatnya. Kejayaan Bahlut dalam sukan olahraga menunjukkan bahawa remaja orang asli dapat mencapai kejayaan dan dapat mengharumkan nama negara sekiranya mereka dibantu, dibimbing dan diberi peluang sebaiknya. Emosi Bahlut semakin stabil apabila dapat menerima kenyataan bahawa jodohnya bukan dengan Kabut dan mereka menjadi sahabat. Bahlut berasa gembira apabila Kabut berkahwin dengan Ustaz Zaidi. Bahlut juga dapat menyelesaikan masalah pembalakan haram di kampungnya. Kehidupan dan emosi Bahlut semakin tenang apabila bertemu semula dengan ibunya yang sekian lama disangka meninggal dunia. Selepas itu, Bahlut berusaha untuk menjejaki bapanya yang hilang tetapi menunjukkan tanda-tanda masih hidup.

6.4 Bahlut Remaja yang Cerdas dan Cergas

Remaja yang cerdas (sempurna akal) dan cergas (aktif) ialah remaja yang mampu menerajui negara dengan baik pada masa hadapan. Pembinaan minda remaja yang cerdas dan cergas sudah terungkap dalam elemen jasmani dalam FPK (Nur Fatiha Fadila, 2014). Tidak dinafikan penjagaan kesihatan tubuh dapat dilakukan dengan melakukan kegiatan-kegiatan yang menyihatkan seperti beriadah, pengembangan bakat dan kemahiran yang bersifat teknikal, manipulatif dan sosial sangat penting bagi menguji daya tahan remaja yang cemerlang. Elemen jasmani dalam FPK turut mementingkan aplikasi kemahiran dan kecergasan fizikal untuk berdikari dan menggunakan kemahiran serta kecergasan tersebut bagi kepentingan keluarga, masyarakat dan bangsa sebagaimana yang dicatat dalam FPK.

Keperluan remaja yang cergas dan cerdas sangat diperlukan memandangkan dewasa kini pelbagai masalah sosial sedang melanda golongan remaja. Oleh itu, kehadiran karya sastera yang memaparkan keunggulan keperibadian watak protagonis remaja dari aspek emosi, mental dan fizial dapat mempengaruhi minda bawah sedar pembaca remaja. Misalnya, melalui penampilan watak Bahlut yang sarat dengan sikap dan sifat yang positif boleh menjadi suri teladan kepada pembaca. Dalam novel ini, misalnya watak Bahlut merupakan anak yatim piatu kerana ditinggalkan ibu dan bapanya, hidup dalam serba kekurangan tetapi mempunyai semangat yang tinggi untuk meneruskan kelangsungan hidup sebagai seorang anak, murid, rakan dan saudara kepada keluarga sebelah ibu dan bapanya. Oleh sebab kesempitan hidup, Bahlut mengambil keputusan untuk berhenti sekolah dan tinggal di kampung seperti remaja-remaja lain bekerja di kampung sebagai petani sara diri, memburu, mencari hasil-hasil hutan dan akan berkahwin dalam usia masih muda. Namun begitu, jauh dalam hati kecilnya masih mempunyai cita-cita dan impian untuk belajar bagi mengubah nasib dirinya.

Dalam diri Bahlut tersemat bakat, kecerdasan dan kecergasan jasmani serta mental yang baik berbanding dengan rakan-rakan lain di kampungnya. Bahlut mempunyai bakat dalam acara larian atau olahraga sejak dari kecil lagi. Bakat ini dikesan apabila sering mengadakan pertandingan larian dengan rakannya, iaitu Madi. Kecergasan jasmani Bahlut semakin menyerlah setelah memasuki persekolahan di peringkat menengah. Bahlut dapat menewaskan beberapa atlet yang berjaya sebelum ini seperti Razak dan Nik Mazin. Selepas itu, bakat dan kebolehan Bahlut dikembangkan di bawah bimbingan jurulatih sekolahnya, iaitu Alan Oii atau dikenal

dengan panggilan Sir Ooi. Bahlut kemudiannya menjadi atlet kebangsaan dan mewakili negara dalam acara olahraga. Bahlut juga terpilih sebagai peserta kejohanan remaja anjuran Majlis Olimpik New Zealand dan mewakili negara dalam kejohanan sukan di Bursa. Seterusnya, Bahlut terus menempa nama dalam arena sukan olahraga apabila mendapat pingat emas dalam acara sukan olahraga Sukan SEA. Selain itu, kecergasan Bahlut dapat dilihat apabila menjadi jurucakap atau duta bagi pusat Gimnasium California. Melalui kecergasan jasmani, Bahlut berupaya mengubah nasib dirinya dari seorang remaja biasa kepada remaja yang unggul, berpengaruh dan mengubah pandangan masyarakat lain terhadap remaja orang asli.

6.5 Bahlut Remaja Pecinta Ilmu Pengetahuan

Secara tersiratnya, FPK mengharapkan kemunculan generasi muda sebagai pelapis negara yang kaya dan cintakan ilmu pengetahuan. Keinginan menuntut ilmu dalam diri remaja perlu diserapkan sejak kecil lagi, ibarat melentur buluh biarlah dari rebungunya. Dalam keadaan ini, ibu bapa dan masyarakat sekitar turut berperanan penting untuk memupuk budaya belajar dan menghargai ilmu bagi melahirkan generasi yang berinteleak untuk berbakti kepada diri, keluarga, bangsa, agama dan negara. Perkara ini sudah dinyatakan dalam FPK, iaitu:

Mencintai ilmu pengetahuan.

Sentiasa berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan.

Meningkatkan dan menyebarkan ilmu.

Memanfaatkan ilmu untuk kebajikan diri sendiri, orang lain dan kebaikan alam sekitar.

Mempunyai fikiran yang terbuka dan luas.

Novel *Bahlut* mengharapkan pembaca remaja dapat menghayati perwatakan Bahlut sebagai murid tunggal lelaki orang asli yang melanjutkan pengajian di luar kampungnya, iaitu di sekolah menengah di Bukit Jalil. Keunggulan Bahlut sebagai murid yang proaktif untuk mencari ilmu terserlah, melalui kesungguhan Bahlut membuat keputusan meninggalkan kampung halaman dan tinggal bersama keluarga Ustaz Zaidi bagi meneruskan persekolahan pada peringkat tinggi. Bahlut menunjukkan kesungguhan untuk berjaya dalam pelajaran bahkan dalam acara sukan yang disertai, iaitu sukan olahraga. Kesedaran Bahlut untuk melanjutkan pengajian dapat dilihat dalam petikan di bawah:

“Kalau *hek* berpindah dan berusaha di Kuala Lumpur, belajar di sana sampai ke peringkat pengajian tinggi. Hah, belajar dengan bersungguh-sungguh, tentu sahaja *hek* akan dapat pengalaman dan ilmu yang akan menjadikan *hek* orang berguna. Dengan ini kehidupan *hek* juga akan berubah”. Leter Zaiful panjang tetapi berbutir satu persatu supaya mudah dicerna Bahlut yang sememangnya anak yang cerdas (*Bahlut*, 2010, hlm. 71).

Tindakan Bahlut meninggalkan kampung halaman ini bercanggah dengan remaja-remaja di kampung yang terus menetap di kampung melakukan kerja-kerja yang diwaris daripada ibu bapa mereka. Hal ini dapat dilihat melalui watak Tiat. Matlamat utama Bahlut menuntut ilmu adalah untuk mengubah nasib diri dan membela nasib masyarakatnya yang dianiaya, ditindas dan dieksploitasi oleh pihak-pihak lain yang mengambil kesempatan atas kelemahan mereka. Melalui kejayaan dalam pelajaran, Bahlut mempunyai kuasa dan upaya untuk menangani masalah kegiatan pembalakan haram di kawasan perkampungannya.

7. Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, Faisal Tehrani menghasilkan novel ini berdasarkan sensitiviti dan kreativiti yang tinggi dengan menggunakan kemahiran mengarang, untuk menghasilkan novel yang dapat memberi mesej mengenai remaja kepada pembacanya. Menerusi novel ini, Faisal Tehrani seolah-olah berjuang untuk berjuang dan mengangkat remaja orang asli kepada kedudukan tinggi serta sama taraf dengan remaja bangsa lain. Pada pandangan Faisal Tehrani, golongan remaja orang asli terus ketinggalan dan dipinggirkan sekiranya mereka tidak dibela, dibantu, dibimbing dan diberi peluang untuk belajar serta melibatkan diri dengan kemahiran yang ada pada diri mereka. Sehubungan itu, novel ini mengangkat perjuangan remaja orang asli untuk mencapai cita-cita dan berbakti kepada masyarakatnya. Remaja orang asli juga mempunyai sikap dan sifat yang sama dengan remaja bangsa lain dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Namun begitu, tahap kecerdasan dan kemampuan menggunakan elemen-elemen tersebut tidak produktif dan proaktif, disebabkan faktor-faktor seperti latar belakang keluarga, sikap ibu bapa, kemiskinan, adat dan budaya yang menjadi pegangan hidup mereka. Oleh itu, Faisal Tehrani merasakan perlu membangkitkan isu remaja orang asli bagi menyedarkan pihak-pihak tertentu agar memberi perhatian terhadap masyarakat ini. Selain itu, Faisal Tehrani ingin menyampaikan mesej besar kepada pembaca, iaitu pembaca muda agar sentiasa tabah, sabar, cekal, berani dan berwaspada dalam mengaturi hidup yang penuh cabaran dan zaman globalisasi ini.

Kajian ini menerapkan FPK sebagai satu kaedah untuk membuktikan bahawa FPK dapat digunakan sebagai sumber kajian dalam genre sastera. Penciptaan watak protagonis, iaitu Bahlul merupakan ciri-ciri remaja yang perlu ada pada masa kini. Remaja yang positif dan cekal mengharung pelbagai masalah hidup dapat mencapai kejayaan dalam hidupnya. Jika ditinjau dengan remaja yang lemah dan tidak memiliki kecekalan, mudah terjebak dalam kegiatan negatif seperti penagihan dadah, mengambil minuman beralkohol, pergaulan bebas, ponteng sekolah dan sebagainya. Kehadiran novel remaja seumpama ini dapat memberi pedoman dan pengajaran kepada golongan remaja supaya mereka menjadi warganegara yang bertanggungjawab kepada keluarga, bangsa, agama dan negara. Sementara itu, masyarakat perlu memberi kerjasama dan kepercayaan kepada golongan remaja bahawa mereka ini mampu menangani masalah sekiranya dibantu dan dibimbing.

Rujukan:

- Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman. (2003). *Falsafah pendidikan dan kurikulum*. Tanjong Malim: Qantom Books.
- A. Rahim Abdullah. (1996). Masalah nilai dan perubahan social dalam novel *Rimba Harapan*. Dlm. Siti Aisah Murad (Penyunting). *Konsep nilai dalam kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Wahab Ali. (2009). *Kesusasteraan Melayu dalam bandingan dan pendidikan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Barent, J. (1965). *Ilmu political suatu perkenalan lapangan*. Diterjemah oleh L.M. Sitorus. Jakarta: Pembangunan.
- Banister, P., Burman, E., Parker I., Taylor, M & Tindall, S. (1994). *Qualitative methods in psychology: a research guide*. Buckingham: Open University Press.
- Bitsch, V. (2005).



- Qualitative research: a grounded theory example and evaluation criteria. *Journal of Agribusiness* **23**(1): 75-91.
- Bogdan, R.C. & Taylor, S.J. (1975). *Introduction to qualitative research methods*. New York: Wiley.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (1982). *Qualitative Research of Education*. Boston: Allyn and Bacon, Inc.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (2003). *Qualitative research for education. An introduction to theories and methods* (4th Ed). Boston: Allyn & Bacon Inc.
- Faisal Tehrani. (2010). *Bahlut*. Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.
- Hizairi Othman. (1999). Visi dan harapan penulis generasi baru Malaysia. *Dewan Sastera*, Mei, hlm. 26-29.
- Johnson, S.D. 1995. Will our research hold up under scrutiny? *Journal of Insustrial Teacher Education* 32 (3): hlm. 3-6.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Penilaian tahap kecekapan (PTK)*. Petaling Jaya: Penerbitan Femina.
- Marshall, C. & Rosmann, GB. (1989). *Designing Qualitative Research*. (1 st Ed.) Newbury Park: Sage Publications.
- Marshall, C. & Rosmann, G.B. (1995). *Designing Qualitative Research*. (2nd Ed.) Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Misran Rokimin. (2013). *Kritikan sastera remaja teori dan aplikasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Johdi Salleh dan Abdul Razaq Ahmad, (2009). Kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat orang asli. dlm *Masyarakat orang Asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya* oleh Abdul Razaq Ahmad dan Zalizan Mohd Jelas (Editor). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (47-62).
- Mohamad Saleeh Rahamad. (2010). *Volkgeist dalam Manikam Kalbu*. *Dewan Sastera*. Januari, hlm. 63-69.
- Mok Soon Sang. (2002). *Pendidikan di Malaysia untuk kursus diploma perguruan sem. 1*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Norehan Muhammad. (2009). Analisis kesilapan: satu kajian terhadap karangan murid-murid orang asli. Dlm. *Masyarakat orang asli: perspektif pendidikan dan sosiobudaya*. Abdul Razaq Ahmad dan Zalizan Mohd Jelas. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Fatih Fadila. (2014). Model remaja unggul dalam *Manikam Kalbu*. *Dewan Sastera*. Disember, hlm. 26-32.
- Patton, M.Q. (1978). *Utilization-focused evaluation*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Ramlee Mustapha, et. al. (2009). Pembangunan kerjaya belia orang asli. Dlm. *Masyarakat orang asli: perspektif pendidikan dan sosiobudaya*. Abdul Razaq Ahmad dan Zalizan Mohd Jelas. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozninah Abd. Azib. (2004). Kubawa bakatku ke jalan *futuwwah*. *Dewan Sastera*. Ogos, hlm. 6 10.
- Sahlan Mohd. Saman dan Shaiful Bahri Md. Radzi. (2005). *Persuratan Melayu tradisional ke moden*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shannon Ahmad. (1981). *Kesusasteraan dan kritikan etika Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Shannon Ahmad. (2008). *Weltanschauung suatu perjalanan kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Shamsudin Othman dan Abdul Rasid Jamian. (2011). Sastera sebagai pengucapan budaya dan pemangkin negara bangsa. Dalam *Pendidikan dan masyarakat peranan institusi sosial*. Maimunah Ismail dan Abdul Rasid Jamian (Editor). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Soltau, R.F. (1961). *An introduction to politics*. London: Longmans, Green&Co.
- Strauss, A.L. & Corbin, J. (1998). *Basics of qualitative research: techniques and procedures for developing grounded theory*. ED Ke-2. Thousand Oaks: Sage.
- Rahil Mahyuddin dan Habibah Elias. (2007). *Psikologi pendidikan untuk perguruan edisi kedua*. Shah Alam: Karisme Publications Sdn. Bhd.
- Sufean Hussin. (2002). *Pembangunan pendidikan Malaysia teori dan analisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sufean Hussin. (2004). *Pendidikan di Malaysia sejarah, sistem dan falsafah edisi kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suppiah Nachiappan et, al. (2009). *Pembelajaran dan perkembangan pelajar*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Wellek, Rene dan Austin Warren. (1988). *Teori kesusasteraan. (Terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaini Mahbar dan Zarin Ismail. (2013). *Pembangunan modal insan berkualiti. Dlm. Pemerkasaan sistem pendidikan pembangunan modal insan dan jati diri kebangsaan*. Juriah Long, Jainabee Md Kassim dan Zaini Mahbar (Disunting oleh). Bangi: Penerbit Universiti Keban